

# Abdullah yakin pertukaran pucuk pimpinan lancar

UM 25 OCT 2003

KEPALA BATAS 24 OKT. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin peralihan pucuk pimpinan negara hujung bulan ini akan berjalan lancar tanpa sebarang masalah.

Beliau yang akan menggantikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak boleh mengawal atau mempengaruhi mana-mana pihak yang cuba mengutarakan sentimen peribadi mereka berhubung peralihan tersebut.

Sebaliknya apa yang penting, tegas beliau, semua pihak termasuk pemimpin perlu menjalankan kerja seperti biasa serta memastikan ia dilaksanakan dengan lebih baik.

“Saya tidak nampak ada apa-apa masalah (berhubung peralihan kuasa). Apa orang nak lapor, apa pandangan yang nak diberikan, kita tidak dapat kawal dan pengaruhi mereka.

“Yang penting, kita buat kerja dengan baik dan pastikan apa yang kita mahu itu dibuat dengan elok,” katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Masjid Jami'ul Jalal Pinak Song di sini dan menyampaikan sumbangan moreh kepada 198 pengerusi kariah semua masjid Pulau Pinang hari ini.

Abdullah ditanya pandangannya berhubung peralihan pucuk pimpinan negara yang akan diterimanya daripada Dr. Mahathir hujung bulan ini.

Rabu lalu, Dr. Mahathir berkata, bakal penggantinya itu akan lebih menonjol kewibawaannya sebagai pemimpin yang kuat dan disegani apabila mengambil kedudukan Perdana Menteri nanti.

Menurut Perdana Menteri, masyarakat antarabangsa belum mengetahui kekuatan sebenar Abdullah kerana selama ini timbalannya itu belum menjadi Perdana Menteri.

Dr. Mahathir yang diwawancara oleh sebuah televisyen swasta Indonesia, TV7 di Yogyakarta pada 22 Oktober lalu berkata, Abdullah mampu membawa kecemerlangan kepada Malaysia kerana beliau didukung oleh parti yang kuat, kerajaan serta negara yang stabil.

Abdullah dijadual mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima di Istana Negara 31 Oktober ini.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai bilangan wakil rakyat veteran Barisan Nasional (BN) yang berhasrat berundur secara sukarela pada pilihan raya umum akan datang, Abdullah berkata: “Adalah dua tiga orang yang sudah beritahu saya.”

Mengenai senarai penuh anggota jawatan-kuasa penaja bahagian UMNO pula, beliau yang juga Timbalan Presiden UMNO berkata, ia akan diumumkan dalam waktu terdekat ini.